




SIARAN AKHBAR


KEMENTERIAN KESIHATAN

KENYATAAN MEDIA COVID-19 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM 16 Jamadilakhir 1444 / 09 Januari 2023

- I. Dalam masa satu minggu kebelakangan ini, kadar purata kes COVID-19 yang dilaporkan di Negara Brunei Darussalam menunjukkan peningkatan yang mana kadar purata kes COVID-19 dalam masa satu minggu kebelakangan ialah 350 kes sehari, berbanding dengan kadar pada minggu sebelumnya iaitu 227 kes sehari. Sebanyak 36,627 keputusan ujian ART telah dimuatnaik ke aplikasi *BruHealth* dalam masa satu minggu di mana 6.6% daripadanya adalah keputusan ujian ART yang positif.



Jumlah kes COVID-19 yang telah dilaporkan di Negara Brunei Darussalam sejak Februari 2022



Jumlah kes COVID-19 satu minggu kebelakangan berbanding dengan minggu sebelumnya

- i) Pada hari ini, **tidak ada** di dalam Kategori 5 yakni yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU) manakala **tiga kes** berada di dalam Kategori 4 iaitu yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.
 - ii) Sehingga kelmarin, 08 Januari 2023, kadar liputan vaksinasi COVID-19 di Negara Brunei Darussalam kekal berada di tahap yang tinggi dengan **79.0%** daripada keseluruhan rakyat dan penduduk negara ini telah mendapatkan dos ketiga vaksin dan **11.6%** juga telah mendapatkan dos keempat.
2. Pada hari ini, sebanyak **297 kes baru** telah dilaporkan iaitu 293 kes hasil ujian ART dan 4 kes adalah hasil dari 230 ujian makmal RT-PCR yang telah dilakukan dalam masa 24 jam yang lalu.

3. Semoga Negara Brunei Darussalam berserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa terpelihara dari segala bencana dan wabak penyakit serta berada di dalam perlindungan Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua. Aamiin Aaminn Ya Rabbalalamin.

TAMAT

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 16 Jamadilakhir 1444H / 09 Januari 2023